

07 NOV 2001

MAHATHIR-KUASAI

DR MAHATHIR BERI AMARAN TERHADAP HASRAT ORANG LUAR KUASAI AFTA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada negara-negara Asia Tenggara mengenai kepentingan-kepentingan asing yang mahu menguasai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi menjejaskan industri tempatan dengan berselindung di bawah penubuhan industri nasional.

Sambil menyifatkan fenomena itu sebagai masalah dalam pembentukan Afta, beliau berkata para pelabur asing yang berdagang dan melabur di pasaran serantau tunggal yang diperluaskan sepatutnya juga memberikan bahagian pasaran yang adil kepada industri tempatan.

"Melihat kepada potensi pasaran yang diperluaskan itu, syarikat asing akan bersaing untuk memperolehi memonopolinya dengan menubuhkan apa yang dikatakan sebagai industri nasional yang mereka miliki, manakala syarikat tempatan hanya bekerja di bawah mereka dengan sedikit pemilikan dan pemindahan teknologi," katanya.

Beliau berkata produk itu akan lebih murah dan kualiti bertaraf dunia tetapi syarikat kecil tempatan dihalang dan kemampuan perindustrian tempatan tidak akan dipertingkatkan.

"Kita tidak akan menjadi lebih baik daripada semasa kita menjadi jajahan pengeluar bahan mentah dahulu, yang berbeza kini ialah hanya kita merupakan pemasang produk asing yang berkos rendah," katanya semasa berucap pada jamuan makan tengah khas hai ini sempena persidangan dan pameran Majlis Petroleum Asean (Ascope 2001) ketujuh di sini.

Para peserta yang terlibat dalam industri petroleum daripada lebih 30 negara menghadiri persidangan dan pameran empat hari itu yang bermula 5 Nov.

Dr Mahathir berkata: "Memang kita perlu dan mahu pelaburan langsung asing, tetapi pelaburan-pelaburan itu mestilah bertujuan untuk meningkatkan eksport kita ke rantau lain dan di mana perlu, memberikan bahagian yang adil dalam industri kepada syarikat tempatan jika mereka mahukan pasaran serantau Asean yang lumayan."

Bagi negara-negara anggota, Perdana Menteri berkata perlu ada persefahaman mengenai pengagihan industri di kalangan mereka.

"Jika semua negara mahu industri yang sama, kelak hanya akan terdapat pasaran negara yang kecil untuk setiap satu bukan pasaran serantau, masyarakat ekonomi kelak akan gagal," katanya.

Dr Mahathir berkata persetujuan untuk membentuk Afta adalah antara langkah yang diambil bagi membina kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota Asean.

Dengan menggabungkan pasaran Asia Tenggara, pasaran dengan saiz yang besar boleh diwujudkan dan pengindustrian serantau akan lebih berkemungkinan, katanya.

Bagi globalisasi, beliau berkata terdapat keperluan untuk mengubahsuai intepretasi globalisasi, di mana ia tidak sepatutnya hanya bertujuan untuk aliran masuk modal.

Kadar globalisasi boleh dilaksanakan dalam berperingkat supaya negara-negara membangun tidak perlu melepaskan perlindungan industri-industri mereka sepenuhnya dan mampu memasuki pasaran negara kaya bagi mengembangkan ekonomi mereka sendiri.

"Apabila peserta tidak sama daripada segi kekuatan atau kemampuan, kelonggaran sepatutnya dibenarkan kepada yang lemah bagi mengganti kelemahan mereka, katanya.

Beliau berkata negara-negara Asean boleh bertahan dalam ekonomi baru dengan bersatu, mempertahankan pasaran mereka serta mendapatkan syarat terbaik apabila berurusan dengan negara maju.

"Dengan bersendirian, kita akan jatuh, tetapi bersama-sama kita akan mempunyai peluang. Setiap daripada kita akan ditawarkan dengan cadangan-cadangan yang menarik tetapi kita akan kalah jika kita berpecah," kata beliau.

Menggunakan pasaran bergabungnya bagi setengah bilion penduduk, negara-negara Asean boleh mempengaruhi kuasa untuk mendapatkan syarat perdagangan yang lebih memihak kepada mereka, katanya.

Beliau berkata perdagangan antara negara-negara Asean adalah besar tetapi ia boleh menjadi lebih besar lagi.

"Kita mesti membina industri kita berdasarkan pasaran Asean yang lebih besar tidak sebaliknya pasaran nasional. Kita perlu bersetuju mengenai pengagihan industri dengan menamakan industri tertentu di negara-negara tertentu supaya persaingan akan kecil tetapi bukan sehingga menjadi monopoli," kata beliau.

Mengenai grid elektrik dan gas Asean, Dr Mahathir berkata ia sepatutnya menjadi kenyataan secepat mungkin.

Rangkaian landasan kereta api dan jalan sepatutnya disambung. Mengembara antara negara-negara Asean sepatutnya dipermudahkan dengan menggunakan kad pintar yang sama bagi pengembaraan atau melintasi sempadan, katanya.

Beliau berkata pelbagai pertumbuhan segitiga sepatutnya dibangunkan secara serius serta mengambil kesempatan daripada kekuatan masing-masing seperti tenaga manusia, sumber asli, modal dan teknologi.

Dr Mahathir juga mempersoalkan sama ada dalam dunia global, hanya bank-bank yang besar, industri dan perniagaan gergasi sahaja patut wujud.

"Memangalah kita sepatutnya mempunyai perniagaan yang besar, cekap tetapi kita mesti memastikan bank-bank yang kecil juga terus hidup. Jika kita perlu melindungi mereka (perniagaan kecil), kita sepatutnya berbuat demikian," kata beliau.

Beliau berkata dunia global tidak sepatutnya seragam seolah-olah tidak kira di mana di dunia ini, semuanya seperti hotel, restoran, program TV, akhbar dan majalah, kenderaan motor dan banks, adalah sama.

"Kepelbagaian merupakan rempah-ratus kehidupan. Rencah itu semakin lenyap dengan cepat, apabila kita menginap di Hotel Hilton, makan burger McDonald, memandu kereta Ford, berurusan dengan bank Citibank dan membeli keperluan harian di Carrefour.

"Kita tidak dapat menyatakan di mana kita berada sebaik sahaja kita memasuki lobi hotel kita. Mereka kelihatan serupa sahaja," katanya lagi. --

BERNAMA

MSL MR NHD OS